



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	15/6/2021	MUKA SURAT	: 10
JABATAN	:	KeTSA		

Semua sektor di bawah KeTSA dibenar beroperasi

SHAH ALAM - Semua sektor di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dibenarkan beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang dilanjutkan bermula 15 hingga 28 Jun ini.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nazarah berkata, ia selaras dengan pengumuman Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 11 Jun lalu mengenai pelanjutan PKP 3.0.

Beliau berkata, surat kebenaran beroperasi yang dikeluarkan sebelum ini oleh KeTSA, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA) masih boleh diterima pakai dalam tempoh tersebut.

"Dalam masa sama, saya meminta kerjasama semua pihak supaya sentiasa mematuhi arahan yang dikeluarkan kerajaan dari semasa ke semasa dalam membendung penularan pandemik covid-19," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Shamsul Anuar berkata, sebarang pertanyaan serta aduan boleh dikemukakan di talian **03-88861665, 019-6696842** atau e-mel kepada aduanketsa@ketsa.gov.my.



SHAMSUL ANUAR